

PENCETUS INDIVIDUALISME DALAM KESUSASTERAAN MELAYU?: PENELITIAN BERDASARKAN SOROTAN LITERATUR BERSISTEMATIK

*THE CULMINATION OF INDIVIDUALISM IN MALAY LITERATURE?:
A STUDY BASED ON A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW*

Nadia Syamimi YUSOF^{*1}

Rahimah HAMDAN²

Raja Faris Hakimi RAJA JAAFAR³

Salmah Jan NOOR MUHAMMAD⁴

^{1,2,3,4}Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia

¹gs66599@student.upm.edu.my

²rahimahh@upm.edu.my

³gs66393@student.upm.edu.my

⁴salmahjan@upm.edu.my

Corresponding author*

Received: 17th July 2024

Accepted: 20th September 2024

ABSTRAK

Kesusasteraan Melayu Tradisional amat menitikberatkan kepengarangan yang bersifat kolektif iaitu karya yang dihasilkan adalah milik masyarakatnya. Ini menyebabkan kebanyakan karya yang dihasilkan tiada diletakkan nama pengarang. Apatah lagi, kerja-kerja kepengarangan ini dinaungi oleh raja yang menyebabkan pengarang tiada hak meletakkan namanya pada karya yang dihasilkan. Keterbatasan ini juga menyebabkan karya yang dihasilkan perlulah bersifat '*istana centric*' dan tanpa luahan perspektif pengarangnya secara terbuka. Namun, kolonialisasi Barat telah meleraikan situasi ini menerusi pengenalan Munshi Abdullah yang mengarang menurut perspektifnya sendiri tanpa dikongkong oleh raja dan pemerintah. Bermula dari sinilah, konsep individualisme diperkenalkan dalam kepengarangan Melayu yang nyata bertentangan dengan konvensi sedia ada. Nama Munshi Abdullah kemudiannya dinobatkan sebagai pencetus kemodenan dalam kesusasteraan Melayu menerusi konsep 'individualisme' dalam karya yang dihasilkan. Penobatan ini mendapat sanggahan daripada beberapa sarjana dengan meletakkan Hamzah Fansuri sebagai tokoh yang lebih awal memperkenalkan konsep itu iaitu sejak abad ke-17 Masihi. Sanggahan ini bertambah hebat apabila muncul dua kelompok sarjana yang menyokong tokoh-tokoh ini sebagai pemula konsep 'individualisme' dalam kepengarangan Melayu dengan justifikasi yang tersendiri. Ini mencetuskan satu pencarian sorotan kajian yang komprehensif perlu dilakukan terhadap penobatan dua tokoh ini agar dapat menjelaskan

siapakah tokoh yang lebih dominan mendapat sokongan para sarjana berhubung konsep yang dipertikaikan. Metodologi kajian adalah berasaskan standard PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) menggunakan dua pangkalan data utama iaitu *Scopus* dan *Google Scholar*. Sejumlah sembilan artikel telah dipilih bagi mewakili dua perspektif di atas. Dapatkan kajian mendapati Munshi Abdullah lebih popular sebagai tokoh terawal yang menerapkan konsep individualisme dalam kepengarangannya. Natijahnya berdasarkan sorotan kajian lalu, rata-rata penjelasan mengenai siapakah tokoh terawal yang membawa konsep tersebut adalah tidak penting berbanding bagaimanakah konsep itu diterapkan dalam kepengarangan mereka demi memberi sumbangan baharu kepada kepada masyarakat.

Kata Kunci: sorotan literatur bersistematik; individualisme; Hamzah Fansuri; Munshi Abdullah; PRISMA

ABSTRACT

Traditional Malay literature highly emphasizes collective authorship, where the works produced are considered the property of the community. This cultural norm results in most works being published without attributing a specific author. Additionally, authorship is often governed by royal patronage, limiting authors from claiming ownership of their creations. This limitation also necessitates that the works produced are "palace-centric" and do not openly express the personal perspectives of the authors. However, Western colonization introduced a shift in this dynamic, notably through Munshi Abdullah, who authored his works from his own perspective without royal or governmental constraints. This marked the beginning of the concept of individualism in Malay authorship, contrasting sharply with existing conventions. Munshi Abdullah was subsequently celebrated as a pioneer of modernity in Malay literature, particularly through his application of "individualism" in his works. This recognition, however, has been contested by some scholars, who credit Hamzah Fansuri as an earlier figure introducing individualism as early as the 17th century CE. This contention is further fueled by the emergence of two groups of scholars, each supporting one of these figures as the initiator of individualism in Malay authorship, each with its own justifications. This has triggered a need for a comprehensive review of literature to clarify which figure garners greater scholarly support regarding the debated concept. The study employs a methodology based on PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses), utilizing two primary databases, Scopus and Google Scholar. A total of nine articles were selected to represent the two perspectives mentioned above. The study findings reveal that Munshi Abdullah is more widely recognized as the earliest figure to incorporate the concept of individualism in his authorship. Consequently, based on the previous literature review, the focus on who was the earliest proponent of this concept is deemed less significant than understanding how the concept was implemented in their authorship to provide new contributions to society.

Keywords: systematic literature review; individualism; Hamzah Fansuri; Munshi Abdullah; PRISMA


Pengenalan

Individualisme adalah sesuatu yang asing ketika zaman kesusasteraan Melayu tradisional. Hal ini kerana penulis pada zaman tersebut menulis di bawah naungan raja dan mereka menulis tanpa memperakui bahawa penulisan tersebut adalah milik mereka. Dalam erti kata lain, sesebuah penulisan itu dianggap sebagai milik masyarakat (kolektif). Maka kehadiran konsep individualisme dalam kalangan penulis menyebabkan berlakunya pemisahan di antara dua zaman. Zaman yang hadir setelah tradisional itulah yang disebut sebagai zaman moden. Menurut Hamdan (2023, p. 226), “individualisme meliputi sudut pandang falsafah yang menggabungkan perspektif moral, politik, dan sosial, dengan menekankan keupayaan seseorang untuk mendapatkan kepentingan peribadi dalam hidupnya secara bebas”.

Di samping itu, individualisme merupakan konsep masa kini yang mengelirukan, dengan meliputi pelbagai idea yang adakalanya saling bercanggahan mengenai kepentingan diri, identiti, kesempurnaan diri, keindividualan, kesukarelaan malahan kebelakangan ini juga turut melibatkan idea pengindividualan dan pembinaan naratif peribadi (Wilkinson, 2010, p. 453-454). Kemodenan ini seringkali dilihat dalam dua aspek iaitu realisme dan individualisme. Namun begitu, tiada sarjana yang merangka konsep kemodenan yang merangkumkan semua pendapat sehingga pada tahun 2023 yang dapat dilihat melalui konsep kemodenan oleh Hamdan (2023, p. 230). Lihat rajah berikut:

Rajah 1

Kerangka kemodenan Munshi Abdullah



Walaupun rajah di atas memperlihatkan konsep kemodenan Munshi Abdullah, namun terdapat segelintir sarjana yang melihat bahawa pemula kepada konsep individualisme

merupakan Hamzah Fansuri. Perlu diketahui bahawa gelaran Bapa Kesusasteraan Melayu Moden diberikan kepada Munshi Abdullah oleh Skinner. Namun begitu, segelintir tokoh melihat Hamzah Fansuri sebagai individu pemula yang menerapkan konsep individualisme menerusi *Syair Dagang* dengan menceritakan tentang kehidupannya (Hamdan, Sujud, Zakaria, & Md. Radzi, 2015). Tokoh yang mengiktiraf Munshi Abdullah dan Hamzah Fansuri itulah yang akan dilihat dalam kajian ini melalui kaedah PRISMA.

Signifikan Pemilihan Munshi Abdullah dan Hamzah Fansuri

Kajian Rahmat (1996) memetik Hamzah Fansuri, Lauddin, Ahmad Rijaluddin, Fakih Saghir, Munshi Abdullah, Raja Ali Haji dan Salleh Perang sebagai tokoh yang seringkali dikaitkan dengan istilah kemodenan. Namun, hanya dua tokoh yang akan difokuskan dalam kajian ini iaitu Hamzah Fansuri dan Munshi Abdullah. Signifikan pemilihan Munshi Abdullah adalah kerana beliau yang mendapat gelaran Bapa Kesusasteraan Melayu Moden atas usaha ‘memperkenalkan’ unsur kemodenan di Alam Melayu. Sumbangan beliau memberikan impak yang besar kepada Alam Melayu sehingga terpisahnya Alam Melayu kepada dua zaman iaitu zaman tradisional dan zaman moden. Maka, penobatan ini adalah signifikan dengan sumbangan beliau terhadap Alam Melayu dalam memperkenalkan kemodenan kepada masyarakat Melayu.

Namun begitu setelah 100 tahun, penobatan beliau telah mendapat tentangan yang hebat dengan sanggahan al-Attas yang menyatakan tentang individu yang lebih layak dinobatkan sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden. Hamzah Fansuri merupakan seorang tokoh yang mula menulis dengan penerapan sifat-sifat intelektualisme dan perkara ini yang membuatkan Syed Naquib al-Attas menggelarkannya Bapa Kesusasteraan Melayu Moden (Mohammad, 2008, p. 83). Al-Attas menyatakan tentang penulisan Hamzah yang juga mengandungi unsur rasionalisme yang menarik minat audiens Melayu Muslim menerusi karya autobiografi, *Syair Dagang* (Hamdan, Sujud, Zakaria, & Md. Radzi, 2015, p. 123). Bahkan Hadijah Rahmat juga berusaha mengesahkan gelaran Munshi Abdullah, namun Hadijah akhirnya mengeluarkan kenyataan yang menganggap bahawa gelaran itu tidak sesuai buat Abdullah (Safei, 2014).

Bahkan kontradiksi dilihat menerusi penulisan *Hikayat Abdullah* oleh Munshi Abdullah dan *Syair Dagang* oleh Hamzah Fansuri. Munshi Abdullah mengkritik kedua-dua pihak iaitu pihak Barat dan masyarakat Melayu di dalam penulisannya. Namun, komentar yang diberikan kepada masyarakat Melayu lebih sinis tidak seperti kritikan yang dilakukan terhadap pihak Barat (Rahamat, 2009). *Syair Dagang* pula menceritakan tentang perjalanan mencari Tuhan. Kedua-dua penulisan tersebut menerapkan konsep ‘individualisme’, namun bukankah penulisan Hamzah Fansuri hampir kepada jiwa masyarakat Melayu yang mendambakan kasih Tuhan dan mengangkat Islam sebagai syiar tertinggi. Maka kerana itu kedua-dua tokoh ini dipilih kerana penobatan Munshi Abdullah sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden dan sanggahan yang diberikan terhadap penobatan tersebut dengan memperkenalkan individu yang lebih layak iaitu Hamzah Fansuri.

Metodologi Kajian


Kajian ini menggunakan teknik Sorotan Literatur Bersistematik (selepas ini akan disebut sebagai SLR) berasaskan standard PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews*

and Meta-Analyses). PRISMA merupakan sebuah model yang dibangunkan pada 2009 bertujuan memudahkan para pengkaji dalam mendapatkan laporan yang lebih saintifik, telus dan lengkap. Menerusi laman sesawang PRISMA, model ini kali terakhir telah dikemas kini pada 2020 di bawah perhatian Eksekutif PRISMA iaitu Prof Joanne McKenzie dan Dr Matthew Page di Universiti Monash. Secara ringkasnya, PRISMA ini memudahkan pengkaji dalam menghimpunkan pelbagai data dalam sebuah dokumen sahaja dengan kaedah yang terancang. Model ini mengandungi tiga peringkat utama iaitu pengenalpastian, saringan dan kelayakan. Setiap peringkat ini akan membawa pengkaji kepada keputusan carian yang bertepatan dengan kajian yang dilakukan.


Kaedah ini telah meluas digunakan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang sains sosial. Para pengkaji menggunakan kaedah ini dengan fokus yang berbeza dan pangkalan data yang berlainan. Antaranya kajian yang dihasilkan oleh Jen & Mohd Matore, 2020; Chin & Maat, 2022; Hussin et. al, 2023; Wan Oya & Nordin, 2024. SLR wajar dilakukan kerana model ini mampu meleraikan dakwaan penulis terhadap kewajaran penyelidikan dan membantu untuk mengenal pasti kajian yang wajar dilakukan untuk masa depan (Abu Bakar & Ishak, 2023). Menurut Deeks, Higgins dan Altman (2024) meta-analisis berfungsi meningkatkan ketepatan, menjawab persoalan yang tidak dikemukakan dalam kajian individu dan membantu menyelesaikan kontroversi yang timbul daripada kajian yang dilihat bercanggah serta menjana hipotesis baru. Maka kerana itu SLR digunakan dalam menjelaskan siapakah tokoh yang lebih dominan mendapat sokongan para sarjana berhubung konsep individualisme yang dipertikaikan. Bagi menjawab kedua-dua objektif, beberapa aktiviti telah dilaksanakan. Berikut merupakan carta alir aktiviti yang dilaksanakan dalam kajian ini:

Rajah 2


Carta alir aktiviti



Objektif 2: Menjelaskan siapakah tokoh yang lebih dominan mendapat sokongan para sarjana berhubung konsep yang dipertikaikan



Aktiviti 1: Membandingkan jumlah jurnal yang menjurus kepada Hamzah Fansuri sebagai pemula konsep individualisme atau Munshi Abdullah sebagai pemula konsep individualisme



Aktiviti 2: Membuat rumusan berdasarkan pengaruh yang dominan dalam sorotan kajian

Strategi Pencarian Bersistematis

Dalam proses penulisan SLR ini, terdapat tiga peringkat utama yang dilaksanakan bagi mendapatkan keputusan carian yang tepat. Peringkat tersebut ialah pengenalpastian (identification), saringan (screening) dan kelayakan (eligibility).


Pengenalpastian (Identification)

Melalui proses pertama ini, perkara utama yang dikenal pasti ialah pangkalan data yang hendak digunakan. Penetapan pangkalan data adalah sangat penting supaya proses pencarian menjadi lebih realistik. Dua pangkalan data yang ditetapkan ialah Scopus dan Google Scholar. Kedua-dua pangkalan ini menyediakan pelbagai artikel reputasi berimpak tinggi. Pangkalan data Scopus diakses melalui kemudahan perkhidmatan capaian luar kampus yang disediakan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui laman sesawang <https://ezaccess.upm.edu.my/home>. Seterusnya, pangkalan data Google Scholar dipilih memandangkan pangkalan tersebut memuatkan banyak artikel hanya dengan memasukkan sebarang kata kunci.

Setelah pangkalan data ditetapkan, proses pengenalpastian disambung dengan mengenal pasti kata kunci yang tepat. Penetapan kata kunci adalah sangat penting kerana kata kunci akan menyumbang kepada keputusan carian yang bertepatan dengan kajian yang hendak dilakukan. Kata kunci yang digunakan pada mulanya telah membawa kepada keputusan carian yang terlalu umum. Berikut adalah rajah yang menunjukkan turutan kata kunci yang digunakan:

Rajah 3

Kata kunci yang digunakan sepanjang proses pelaksanaan kajian



Dalam proses ini, kata kunci diubah suai sehingga mendapat keputusan yang lebih tepat. Akhirnya, kata kunci yang ditetapkan ialah individualisme sastera Melayu "Hamzah Fansuri" yang membawa kepada 23 keputusan carian dan sejumlah 36 bagi kata kunci individualisme sastera Melayu "Munshi Abdullah". Perbezaan dapat dilihat melalui kedua-dua pangkalan data tersebut di mana Scopus lebih terarah dengan keputusan carian yang tidak mencapai angka beribu walaupun kata kunci umum seperti "individualisme" digunakan.

Hal ini dipengaruhi juga oleh fungsi yang terdapat dalam laman sesawang Scopus iaitu *subject area*, *document type*, *source type* dan *open access*. Fungsi ini dimanfaatkan semasa proses pencarian untuk mengehadkan keputusan carian. Dalam Google Scholar pula, fungsi yang digunakan dalam laman sesawang itu ialah *advanced search*. Ruangan dengan **semua** perkataan (*with all of the words*) diisi dengan individualisme manakala dengan **frasa** yang tepat (*with the exact phrase*) diisi dengan "Hamzah Fansuri" dan "Munshi Abdullah". Perkara ini adalah penting kerana penggunaan kata kunci yang tepat akan membantu dalam mendapatkan artikel berkaitan yang selaras dengan objektif kajian (Abu Bakar & Ishak, 2023).

Jadual 1*Kata kunci carian mengikut pangkalan data*

Kata kunci carian mengikut pangkalan data	
Scopus	TITLE-ABS-KEY ((“individualisme” OR “individualism”) AND (“Hamzah Fansuri”) AND (“Munshi Abdullah” OR “Munshi Abdullah”))
Google Scholar	individualisme AND individualisme sastera Melayu AND individualisme “Hamzah Fansuri” AND individualisme “Munshi Abdullah”

Saringan (Screening)

Dalam peringkat saringan, bidang yang tidak berkaitan dengan bidang sastera atau sains sosial dikecualikan. Hal ini dilakukan dengan memanfaatkan fungsi yang terdapat dalam laman sesawang Scopus dan Google Scholar. Setelah pengecualian dilakukan, sejumlah 149 artikel telah masuk ke peringkat saringan. Namun tidak semua artikel ini berjaya masuk ke peringkat kelayakan kerana kesemua artikel ini disaring lagi dengan mengecualikan artikel yang tidak berkaitan dengan individualisme yang dikaitkan dengan Hamzah Fansuri dan Munshi Abdullah. Hal ini kerana terdapat sarjana lain yang dipetik namanya dan mereka ini dikatakan layak dipanggil sebagai figura yang membawa kemodenan ke Alam Melayu dengan mempamerkan individualisme sebagai salah satu ciri kemodenan yang diterapkan. Akhirnya setelah disaring, terdapat artikel yang melepas peringkat kelayakan berdasarkan perkara yang digariskan pada rajah di bawah:

Jadual 2*Perkara yang diukur sebelum melepas peringkat kelayakan*

Perkara	Kemasukan	Pengecualian
Bidang	Bidang sastera, kemanusiaan dan sains sosial	Selain daripada bidang yang ditetapkan
Jenis Penerbitan	Artikel jurnal, prosiding persidangan dan tesis	Keratan akbar, buku, bab dalam buku
Bahasa	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia	Selain daripada bahasa yang disebutkan
Fokus dapatan	Berkaitan dengan individualisme Hamzah Fansuri dan Munshi Abdullah	Artikel jurnal, prosiding persidangan dan tesis yang tidak menyebut tentang individualisme yang dibawa oleh kedua-dua tokoh tersebut


Kelayakan (Eligibility)

Dalam peringkat ini, sejumlah artikel telah ditekan pautannya untuk melihat sama ada artikel tersebut melepas syarat kemasukan. Artikel yang tidak boleh diakses juga dikecualikan manakala artikel yang boleh diakses dibaca satu persatu dengan memfokuskan pada bahagian

abstrak terlebih dahulu. Abstrak adalah bahagian yang penting memandangkan pada bahagian itu mengandungi pengenalan, objektif kajian, metodologi kajian, batasan kajian dan dapatan kajian. Sekiranya abstrak tersebut menyebut tentang Hamzah Fansuri atau Munshi Abdullah, pembacaan akan diteruskan kepada bahagian isi dengan memfokuskan kepada individualisme. Sejumlah 27 artikel yang tidak membahaskan tentang individualisme Munshi Abdullah dan Hamzah Fansuri, artikel bukan jurnal dan artikel yang tidak boleh diakses telah dikecualikan. Akhirnya, sembilan artikel jurnal telah berjaya memasuki peringkat kemasukan dan dikenal pasti telah membahaskan tentang individualisme oleh Munshi Abdullah dan Hamzah Fansuri.

Perbincangan

Dapatan melalui standard PRISMA:



Senarai Jurnal

Bil.	Pengarang	Tajuk	
1.	Rahimah Hamdan, Arba'ie Sujud, Jama'yah	2015 The perspectives of autobiography in Malay historiograph	Golongan barat lebih menyokong Munshi Abdullah manakala Syed Naquib al-Attas lebih menyokong Hamzah Fansuri.

Bil.	Pengarang	Tajuk	
	Zakaria & Shaiful Bahri Md. Radzi		
2.	Rahimah Hamdan	2023 The development of Munshi Abdullah's framework of modernity in Malay literature: A critical observation	Golongan barat lebih menyokong Munshi Abdullah (lebih-lebih lagi Skinner) manakala Syed Naquib al- Attas lebih menyokong Hamzah Fansuri.
3.	Hadijah Rahmat	1996 In search of modernity – A study of the concepts of literature, authorship and notions of self in “traditional” Malay literature	Penulisan ini merangkumkan beberapa tokoh yang membicarakan soal kemodenan. Terdapat beberapa sarjana yang dipetik dalam penulisan ini yang memperlihatkan sokongan terhadap Munshi Abdullah dan Hamzah Fansuri. Sarjana tersebut tidak melihat aspek kemodenan semata-mata pada individualisme sahaja.
4.	Al-Faqir Al- Haqir Teungku Syeikh Musthafa Asy-Syatary & Teungku Nyak Faqih Ahmad Syarbaini Alie Al-Khatiby	2019 Para auliya dan shalihin Nanggroe Aceh	Penulis memetik penilaian al-Attas terhadap Hamzah Fansuri tentang puisinya yang dilihat sangat moden kerana anti mitos individualisme, intelektualisme dan feudalisme.
5.	Adhimas Alifian Yuwono	2023 Pemikiran pendidikan Islam modern Syed Muhammad Naquib al-Attas	Penulis memetik pendapat al-Attas mengenai Hamzah Fansuri sebagai pemula yang mencetuskan realisme dalam penulisannya.
6.	Rahimah Hamdan	2020 Sumbangan Mohd. Said Sulaiman sebagai penyunting travelog <i>Kisah Pelayaran</i> <i>Muhammad Ibrahim Munsyi</i>	Penulis memetik pendapat Skinner (1978) yang menyatakan tentang hasil penulisan Abdullah bersifat individual. Menurut Skinner, aspek itu diistilahkan sebagai satu 'kemodenan' dalam Kesusastraan Melayu. Namun begitu, al-Attas (1969), Ahmad (1976) dan Rahmat (2001) menganggap bahawa Munshi Abdullah tidak memamerkan nilai kemelayuan yang baik.
7.	Rahimah Hamdan & Shaiful Bahri Md. Radzi	2014 Hero of two ages: Mohd Said Sulaiman as the first Malay autobiography editor	Penulis memetik pendapat Skinner dan Sweeney yang menyebut nama Ahmad Rijaluddin dan Munshi Abdullah yang dikatakan sebagai penulis di luar konvensi

Bil.	Pengarang	Tajuk	
			kepenggarangan Melayu dengan menulis secara bebas dengan cara menghapuskan peranan istana sebagai pusat kegiatan sastera. Skinner tetap menyokong baik Munshi Abdullah yang layak dinobatkan sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden kerana penulisannya yang kritikal dan menerapkan konsep individualisme.
8.	Rahimah Hamdan, Arba'ie Sujud & Abdul Halim Ali	2023 Realiti letusan gunung berapi Tambora 1815 dalam syair	Penulis memetik pendapat Skinner (1978) yang menyebut tentang Alfred North yang menyatakan bahawa Munshi Abdullah memaparkan kemodenan dalam penulisan dengan memaparkan peristiwa sehari-hari dan individualistik.
9.	Mohd Zariat Abdul Rani	2022 Kesangsian terhadap agama: Memetakan wacana-wacana Barat yang melingkari “kemodenan” Abdullah Munsyi	Penulis memetik sarjana Wilkinson yang melihat Abdullah sebagai individu moden yang menerapkan individualisme yang terserlah pada kritikan Abdullah terhadap raja dan masyarakat Melayu.

Perbincangan

Setelah ditelusuri sembilan artikel dapatlah disimpulkan beberapa tokoh menyokong Munshi Abdullah dan tokoh yang lain menyokong Hamzah Fansuri. Perlu diketahui bahawa Syed Muhammad Naquib al-Attas menyebut Hamzah Fansuri sebagai tokoh kemodenan kerana “rasionalisme” yang diterapkan dalam syairnya. Rasionalisme inilah yang tidak dimuatkan dalam cerita Melayu pada ketika itu. Sebelum kedatangan Islam ke Alam Melayu, cerita yang disampaikan dari mulut ke mulut adalah berkisarkan dongeng manakala pengaruh Hinduisme menjadikan cerita berunsur seksualiti sebagai hiburan kepada masyarakat. Pendapat ini disokong oleh al-Attas yang dipetik oleh Yuwono (2023) iaitu Islam di Malaysia-Indonesia adalah berpaksikan intelektualisme dan rasionalisme yang bercanggah dengan fahaman sekularisme yang dibawa oleh penjajah dan menyimpang juga daripada tahuyl, animisme dan mitos. Namun begitu, konsep kemodenan yang dirangka secara kasar oleh beberapa orang tokoh itulah yang menggariskan “individualisme” sebagai sebuah konsep yang perlu diambil kira untuk membezakan sesuatu penulisan itu moden atau tidak. Bahkan Syed Muhammad Naquib al-Attas juga ada menyebut tentang konsep individualisme yang dipaparkan oleh Hamzah Fansuri dalam penulisannya untuk menyatakan tentang pemikiran Hamzah yang sudah menjangkaui penulis sezaman beliau.

Perkara di atas perlu diperjelaskan agar pembaca faham akan kayu ukur yang diletakkan oleh al-Attas dalam menobatkan Hamzah Fansuri sebagai bapa kemodenan iaitu “realisme”. Namun begitu, artikel ini akan menghimpunkan beberapa artikel yang dikenal

pasti melihat Hamzah Fansuri dan Munshi Abdullah sebagai tokoh awal yang memuatkan tentang konsep “individualisme”. Seperti yang diperjelaskan dalam perenggan di atas, Syed Muhammad Naquib al-Attas merupakan tokoh yang sejak awal menyokong Hamzah Fansuri untuk dinobatkan sebagai tokoh kemodenan dalam kesusasteraan Melayu kerana beliau turut mendapati bahawa Hamzah memuatkan konsep individualisme di dalam penulisannya. Hal ini dapat dilihat dalam kupasan Rahmat (1996) penggunaan rujukan kendiri oleh Hamzah dalam syairnya adalah gambaran menarik tentang persepsi dirinya dan definisi diri. Di dalam penulisan beliau, Hadijah turut menyebut tentang tokoh lain selain al-Attas yang menyokong Hamzah Fansuri dan Munshi Abdullah sebagai tokoh awal yang menerapkan konsep individualisme di dalam penulisan mereka.

Bahagian ini akan membahaskan penulisan Hadijah Rahmat dalam tesis bertajuk *In search of modernity – A study of the concepts of literature, authorship and notions of self in “traditional” Malay literature*. Hal ini kerana tesis tersebut ditulis dengan memfokuskan kepada isu “pioneer” iaitu perintis sastera moden. Kehadiran sastera moden dikatakan sebagai pemisah yang membahagikan antara zaman tradisional dengan zaman moden. Maka sarjana yang menjadi perintis zaman baru itu seringkali dibahaskan dengan persoalan “apakah elemen yang dimasukkan sehingga zaman baru itu digelarkan sebagai sebuah zaman yang moden” dan “sejauh manakah unsur kemodenan yang diterapkan oleh sarjana sehingga mereka layak dinobatkan sebagai “Bapa Kesusasteraan Melayu Moden”. Dalam penulisan Hadijah, beliau memetik tujuh orang sarjana yang seringkali dikaitkan dengan unsur kemodenan iaitu Hamzah Fansuri, Lauddin, Ahmad Rijaluddin, Fakih Saghir, Munshi Abdullah, Raja Ali Haji dan Salleh Perang. Walaupun terdapat tujuh orang sarjana yang dibahaskan, namun kajian ini hanya akan memetik tentang bahagian yang membincangkan mengenai Hamzah Fansuri dan Munshi Abdullah.

Antara tokoh yang menunjukkan sokongan terhadap Hamzah Fansuri ialah Teeuw yang menerangkan tentang beberapa elemen moden yang dapat dijumpai dalam syair Hamzah iaitu individualisme, ekspresi diri dalaman, penggunaan kreatif bahasa dan kekaburannya (Rahmat, H., 1996, p. 36). Menurut Teeuw yang dipetik oleh Rahmat (1996) Hamzah Fansuri memperakui penulisannya dengan meletakkan namanya dan secara tidak langsung memanifestasikan keperibadiannya dalam penulisannya. Sekiranya ditelusuri penulisan Hadijah Rahmat ini, Munshi Abdullah lebih dikenali sebagai tokoh yang memperkenalkan konsep individualisme dalam penulisannya. Antara sarjana yang menyokong kenyataan ini ialah Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad dan Johan Jaaffar yang merupakan kumpulan penyelidik daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (Rahmat, 1996). Menurut Safian Hussain et al. yang dipetik oleh Hadijah Rahmat (1996) Munshi Abdullah telah menunjukkan konsep “individualisme” yang tidak terdapat pada karya sastera klasik. Di samping itu, beberapa orang sarjana seperti Hooykaas, Johns, Armijn Pane, Zuber Usman, B. Simorangkir Simanjuntak, Gazali Dunia, Soeparlan D. S. and Nursinah S turut melihat Munshi Abdullah sebagai perintis sastera moden yang dibuktikan melalui penilaian mereka terhadap semangat “individualistik”, tema yang realistik, bahasa dan bentuk penulisan yang melahirkan sastera baru Indonesia (Rahmat, 1996).

Sarjana yang teguh menyokong Munshi Abdullah terdiri daripada sarjana Barat seperti Skinner, Windstedt dan Alfred North. Mereka berpendapat bahawa Munshi Abdullah merupakan seorang penulis yang luar biasa ketika itu kerana tidak lagi menulis sesuatu yang berkisarkan institusi raja. Hamdan (2020) memetik pendapat Skinner mengatakan bahawa walaupun Abdullah menghasilkan penulisan yang mempunyai elemen individualisme dan kritis, namun beliau masih menerapkan gaya tradisional di dalamnya sehingga Skinner

memperkenalkan istilah ‘sastera peralihan’ (transitional literature) dalam menyatakan tentang perubahan tersebut. Hamdan (2014) sekali lagi memetik pendapat Skinner mengenai seorang tokoh yang membawa kelainan iaitu Munshi Abdullah di mana beliau menghasilkan penulisan yang menghapuskan institusi raja sebagai pusat kegiatan kesusasteraan, di mana penulisannya berdasarkan kreativiti dan realiti (realisme). Pendapat tersebut disokong oleh Sweeney. Dalam kajian tersebut turut menyatakan tentang beberapa orang sarjana seperti al-Attas, Hassan Ahmad dan Hadijah Rahmat yang mengatakan bahawa Abdullah tidak mempamerkan nilai kemelayuan di dalam penulisannya.

Di samping itu, sarjana Barat lain yang menyokong Munshi Abdullah sebagai pemula konsep individualisme ialah Matheson dan Milner. Mereka memetik penulisan Abdullah berkaitan haji yang menekankan tentang peribadi, pengalaman individu yang menonjolkan pendekatan baru dalam penulisan haji (Rahmat, 1996, p. 25). Menurut Matheson dan Milner yang dipetik oleh Hadijah Rahmat (1996) Munshi Abdullah dikatakan menulis dalam pengaruh sarjana Barat yang menonjolkan kewartawan yang moden berbeza dengan *Hikayat Hang Tuah* dan *Tuhfat*. Bahkan Kassim Ahmad sendiri menunjukkan sokongan terhadap penobatan Munshi Abdullah sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden kerana beliau dilihat sebagai figura yang memberi semangat baru terhadap jiwa bangsa dengan penghasilkan sastera Angkatan 50 iaitu Angkatan baru (Rahmat, 1996). Mohd Taib Osman juga memperakui sumbangan Munshi Abdullah terhadap kesusasteraan Melayu yang membincangkan tentang kritikan peribadi Munshi Abdullah terhadap isu semasa. Menurut Mohd Taib Osman yang dipetik oleh Rahmat (1996) bukan lenggok bahasa Munshi Abdullah yang dilihat tetapi kandungan penulisan beliau yang menggariskan tentang peristiwa yang terjadi di sekeliling dan kritikan yang dibuat oleh Munshi Abdullah terhadap adat dan praktis nenek moyang.

Hadijah Rahmat telah memetik ramai sarjana yang terdiri daripada tokoh tempatan dan Barat di dalam penulisannya. Namun bahagian ini akan menyentuh tentang sarjana yang memberikan gelaran Bapa Kesusasteraan Melayu Moden kepada Munshi Abdullah iaitu Skinner. Skinner memperakui dan menjulung penulisan Abdullah yang membawa suaranya sendiri iaitu dengan suara ‘AKU’nya. Menurut Skinner yang dipetik oleh Rahmat (1996) seorang penulis sepatutnya menulis sesuatu berdasarkan pendirian dan pendapatnya dan bukanlah menulis sesuatu mengikut penaungnya. Maka jelaslah dilihat bahawa Skinner melihat Munshi Abdullah sebagai individu yang membawa kemodenan dengan penerapan konsep individualisme.

Selain itu, Mohd Zariat Abdul Rani memetik nama sarjana yang teguh menyokong Munshi Abdullah sebagai pemegang gelaran Bapa Kesusasteraan Melayu Moden. Antaranya, R. O. Winstedt, R. J. Wilkinson, John Turnbull Thomson dan C. Skinner. Kemudian, gelaran tersebut diterima pakai oleh beberapa sarjana dan institusi penting seperti Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Zainal Abidin Ahmad atau Za’ba, Ismail Hussein dan Mohd Taib Osman (Abdul Rani, M. Z., 2022, p. 150). Di samping itu, kajian ini memetik nama al-Attas sebagai sarjana pertama yang mempertikaikan gelaran Abdullah. Menurut al-Attas yang dipetik oleh Abdul Rani (2022) tulisan Hamzah sudah memperlihatkan nilai rasionalisme dan individualisme yang sudah mula menulis pada abad ke-16 dan 17 Masihi. Abdul Rani (2022) turut menyatakan tentang individualisme yang meraikan kebebasan individu dan pendirian intelektual yang dibangunkan oleh individu.

Berdasarkan perbahasan di atas, dapatlah dilihat bahawa para sarjana Barat cenderung mengangkat Munshi Abdullah sebagai pencetus konsep individualisme. Perkara ini boleh dijelaskan dengan melihat semula sejarah awal tentang penobatan Munshi Abdullah sebagai “Bapa Kesusasteraan Melayu Moden”. Pihak yang bertanggungjawab memberikan

gelaran tersebut ialah C. Skinner (Safei, M., 2014). Bahkan yang mendorong Munshi Abdullah untuk menulis karya yang menerapkan konsep 'individualisme' ialah Alfred North (Suhaili & Hamdan, 2024, p. 3; Mohd Tahir, 2019, p. 9). Abdullah telah diyakinkan oleh pihak Barat untuk meniru cara Barat yang sentiasa membuat catatan walau di mana mereka berada (Hamdan et. al, 2019). Maka ini menjawab kepada persoalan mengapa pihak Barat lebih cenderung mengangkat Munshi Abdullah berbanding tokoh lain sedangkan masyarakat Melayu menolak Munshi Abdullah. Hakikatnya, karya-karya Abdullah seperti *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* telah ditolak oleh masyarakat Melayu.

Karya yang dihasilkan tersebut merupakan karya travelog iaitu catatan yang dihasilkan oleh pengembara ketika mengembara dari sebuah tempat ke sebuah tempat yang lain. Karya yang dihasilkan oleh Abdullah inilah yang dikatakan sebagai sebuah karya yang 'moden' iaitu karya yang menyimpang jauh daripada karya tradisional yang cenderung memuatkan unsur tasyul dan magis (Mohd. Tahir, 2019, p. 9). Namun begitu, karya moden ini ditolak oleh masyarakat Melayu dan raja Melayu. Persoalan yang mungkin timbul ialah "adakah masyarakat Melayu menolak karya travelog disebabkan genre ini diperkenalkan oleh pihak Barat?". Menurut Cagri Inan, Sivachandralingam dan Mohamed Hassan (2024, p. 4), kajian akademik telah mengkategorikan penulisan travelog sebagai alat ideologi penjajah yang digunakan oleh empayar. Namun begitu, sejarah membuktikan bahawa genre ini telah disambung oleh anak Abdullah dengan penghasilan karya *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi* yang diterima oleh masyarakat Melayu dan raja (Hamdan, 2020). Menurut Hamdan (2023, p. 229) individualisme Munshi Abdullah timbul daripada rasa kewajipan terhadap pihak kolonial British yang ingin memperkenalkan bentuk penulisan baru kepada masyarakat Melayu. Maka ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu bukanlah menolak karya bergenre travelog tetapi mereka menolak kandungan karya Munshi Abdullah.

Walaupun Munshi Abdullah ditolak oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu tetapi kita diperlihatkan dengan beberapa tokoh Melayu yang seolah-olah menerima sahaja gelaran "Bapa Kesusasteraan Melayu Moden" yang diberikan kepada Munshi Abdullah tanpa sebarang protes maupun kritikan. Mereka mempunyai penilaian tersendiri terhadap penulisan Abdullah yang akhirnya melayakkan beliau diberikan gelaran tersebut. Antaranya penggunaan kata "aku", pengamatan Abdullah terhadap peristiwa semasa dan penerapan yang dibuat olehnya di dalam karyanya. Al-Attas juga mempunyai sebab tersendiri dalam menilai Hamzah Fansuri yang lebih layak dinobatkan sebagai "Bapa Kesusasteraan Melayu Moden". Hal ini dilihat berdasarkan karya Hamzah Fansuri yang lebih awal dihasilkan dan sudah menerapkan konsep realisme berbanding Munshi Abdullah.

Sekiranya diteliti latar belakang Munshi Abdullah dan Hamzah Fansuri, kedua-duanya merupakan tokoh yang mempunyai pegangan agama yang kuat. Hamzah Fansuri dilahirkan di Barus, Aceh dan beliau merupakan seorang cendekiawan, sarjana, ulama dan sasterawan (Abdul Rahman et. al, 2024). Bahkan Munshi Abdullah diajar belajar al-Quran dari kecil lagi oleh neneknya, Peri Aci (Safei, 2014). Namun begitu, sepertimana yang dinyatakan di atas, karya Munshi Abdullah ditolak oleh masyarakat Melayu dan raja pada zamannya. Penolakan ini mustahil untuk dikaitkan dengan perbezaan agama kerana Abdullah dilahirkan dan dibesarkan dalam Islam sama seperti Hamzah Fansuri. Menurut Sweeney dan Phillips (1975, p. xxiv) dalam era nasionalisme moden ini, Abdullah sering dituduh kurang patriotisme dan 'tidak setia' kepada orang Melayu. Tambahnya lagi, pada zaman Abdullah, kesetiaan seseorang adalah kepada rajanya. Dan dengan norma sedemikian, Abdullah sangat setia, kerana raja-rajanya seperti yang berulang kali dia nyatakan, adalah orang Inggeris (Sweeney & Phillips, 1975, p. xxiv).

Penerimaan Munshi Abdullah sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden telah memberikan persepsi baru terhadap pandangan masyarakat Melayu yang tampaknya membenarkan pembawaan Barat dengan seadanya. Menurut Mohd. Tahir dan Che Dan (2019, p. 127), “secara tidak sedar dunia sastera Melayu telah membentuk sastera yang memihak kepada fahaman realisme Barat yang dipakaikan dengan wajah sopan, hormat dan maju di samping dimanfaatkan dengan mudah, bebas dan berterusan”. Masyarakat Melayu dahulu majoritinya mengkritik perkara yang dibawa oleh Barat, namun begitu akhirnya pengaruh yang dibawa oleh mereka telah bercambah, berkembang serta bebas diterapkan dalam penulisan sastera Melayu sehingga karya-karya itu memenangi anugerah berprestij dalam penulisan. Namun begitu, tidak adil sekiranya dikatakan pembawaan Barat ini tidak memberi sebarang perubahan kepada masyarakat Melayu dalam menyuarakan suara mereka di dalam penulisan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menggunakan standard PRISMA bagi memperolehi data kajian. Pangkalan data yang telah dipilih ialah Google Scholar dan Scopus. Kemudian, kata kunci yang telah dikenal pasti dimasukkan ke dalam pangkalan data tersebut. Kata kunci yang dikenal pasti ialah “Munshi Abdullah”, “Munsyi Abdullah”, “Hamzah Fansuri” dan individualisme sastera Melayu “Munshi Abdullah” & individualisme sastera Melayu “Hamzah Fansuri”. Kajian ini terhad memilih artikel jurnal, tesis dan kertas persidangan tanpa memilih buku sebagai sumber kajian. Bahkan kajian ini diterhadkan kepada bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris sahaja. Kemudian, hasil kajian disaring dan difokuskan hanya kepada petikan yang membicarakan soal individualisme oleh Munshi Abdullah dan Hamzah Fansuri sahaja. Setelah melalui kesemua peringkat, sembilan kajian dipilih untuk diteliti satu demi satu.

Hasil kajian mendapati bahawa lebih ramai sarjana yang melihat Munshi Abdullah sebagai pemula kepada individualisme. Antaranya sarjana Barat seperti C. Skinner, R. J. Wilkinson, R. O. Windstedt, John Turnbull Thomson, Alfred North, Matheson dan Milner. Selain itu, sarjana Indonesia seperti Hooykaas, Johns, Armijn Pane, Zuber Usman, B. Simorangkir Simanjuntak, Gazali Dunia, Soeparlan D. S. and Nursinah S turut menyokong Munshi Abdullah. Mereka menyokong Munshi Abdullah sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden sekaligus memperakui Munshi Abdullah sebagai individu yang mula-mula menerapkan unsur kemodenan seperti realisme dan individualisme. Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad dan Johan Jaaffar, Kassim Ahmad dan Mohd Taib Osman turut menyokong Munshi Abdullah. Kajian juga memperlihatkan beberapa sarjana yang menyokong Hamzah Fansuri sebagai pemula kepada individualisme. Sarjana yang teguh memperdebatkan soal ini ialah al-Attas. Beliau menyatakan bahawa Hamzah Fansuri sudah menerapkan soal realisme dan individualisme lebih awal berbanding Munshi Abdullah. Kenyataan ini disokong oleh A. Teeuw. Mohd Zariat Abdul Rani turut menafikan gelaran Munshi Abdullah melalui pernyataan beliau di mana Abdullah sendeng kepada Barat.

Penghargaan

Kajian ini merupakan kajian yang dibiayai oleh Geran Inisiatif Putra Siswazah (GP-IPS) oleh Universiti Putra Malaysia.

Rujukan

- Abdul Rahman, M. M., Idris, Z., & Jamian, M. N. (2024). Penelitian gaya bahasa perbandingan dalam *Syair Dagang Adanya* karya Sheikh Hamzah Fansuri. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 24(2), 158-179. <http://doi.org/10.17576/gema-2024-2402-09>
- Abdul Rani, M. Z. (2022). Kesangsian terhadap agama: Memetakan wacana-wacana Barat yang melingkari “kemodenan” Abdullah Munsyi. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 29(1), 145–168. <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.1.7>
- Abu Bakar, M. Z., & Ishak, R. (2023). Perlaksanaan komuniti pembelajaran profesional: Suatu kajian sorotan literatur bersistematik. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(4), 76-90. <https://ajap.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/48475/16341>
- Al-Faqir Al-Haqir Teungku Syeikh Musthafa Asy-Syatary, & Al-Khatiby, T. N. F. A. S. (2019). Para Auliya dan Shalihin Nanggroe Aceh [Edisi eBook]. ‘Adnin Foundation Publisher Aceh. https://repository.araniry.ac.id/id/eprint/28833/1/Editor%20paraaulia%26shalihin_nad.pdf
- Chin, S. H., & Maat, S. M. (2022). Sorotan literatur bersistematik: Faktor yang mempengaruhi kebimbangan Matematik dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), 1-20. [10.47405/mjssh.v7i9.1790](https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1790)
- Deeks, J. J., Higgins, J. P., & Altman, D. G. (2024). Chapter 10: Analysing data and undertaking meta-analyses. Retrieved from <https://training.cochrane.org/handbook/current/chapter-10>
- Hamdan, R. (2020). Sumbangan Mohd. Said Sulaiman sebagai Penyunting Travelog Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 21-47. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/27629>
- Hamdan, R. (2023). The development of Munshi Abdullah's framework of modernity in Malay Literature: A critical observation. *Malay Literature*, 36(2), 209-234. [https://doi.org/10.37052/ml36\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/ml36(2)no3)
- Hamdan, R., & Md. Radzi, S. B. (2014). Hero of two ages: Mohd Said Sulaiman as the first Malay autobiography editor. *Asian Social Science*, 10(7), 191-199. <http://dx.doi.org/10.5539/ass.v10n7p191>
- Hamdan, R., Sujud, A., & Ali, A. H. (2023). Realiti letusan gunung berapi Tambora 1815 dalam syair. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 19(2), 200-216. <https://doi.org/10.17576/geo-2023-1902-14>
- Hamdan, R., Sujud, A., & Bahari, N. N. H. H. (2019). Abdullah Munshi sebagai watak tertawan dalam travelognya Kisah Pelayaran Abdullah. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(8), 63-76. [10.35631/ijhpl.28005](https://doi.org/10.35631/ijhpl.28005)
- Hamdan, R., Sujud, A., Zakaria, J., & Md. Radzi, S. B. (2015, 17-18 Oktober). The perspectives of autobiography in Malay historiography [Sesi persidangan]. *Proceedings of the International Conference on Language, Literature, Culture and Education (ICLLCE) 2015*, Kuala Lumpur.
- Hussin, N. A., Dzulkifli, I., Hussin, H., & Ishak, H. (2023). Sorotan literatur bersistematik kesan bacaan al-Quran sebagai terapi kepada orang kurang upaya. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 7, 122-137.
- Inan, A. C., Raja, S. S., & Hassan, N. M. (2024). British travellers' perspective on the people of the Malay Peninsula in the 19th century. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 12(1), 3-13. <https://doi.org/10.17576/jatma-2024-1201-01>

- Jen, S. W., Mohd Matore, M. E @ E. (2020). Keberkesanan penggunaan Google Classroom dalam pendidikan: Sorotan literatur bersistematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 39-53.
- Mohammad, A. (2008). Sumbangan tamadun Islam dalam kehidupan masyarakat di Alam Melayu hingga abad ke-17 M. *Journal of Al-Tamaddun*, 3(1), 68-84.
- Mohd Tahir., U. M., & Che Dan, W. (2019). Pemartabatan ‘realiti’ dan ‘realisme’ ke status konvensi sastera dalam Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(2), 109-136.
- Mohd. Tahir., U. M. (2019). Sendeng-Barat dalam sastera Melayu moden: Cabaran sebuah cengkaman. MANU, 30, 1-45.
- Rahamad, M. S. (2009). Pengaruh Barat dalam persuratan Melayu awal di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 11(1), 113-132.
- Rahmat, H. (1996). In search of modernity – A study of the concepts of literature, authorship and notions of self in “traditional” Malay literature [Tesis PhD, University of London: School of Oriental and African Studies]. ProQuest Dissertations.
- Safei, M. (2014). Abdullah bin Abdul Kadir: Hadijah Rahmat’s focal point in Malay Literature. *Malay Literature*, 27(1), 104-119.
- Suhaili, S. N., & Hamdan, R. (2024). Unsur realisme menurut kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah dalam *Syair Muhammad Salleh*. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(4), 1-21.
- Sweeney, A., & Phillips, N. (1975). *The Voyages of Mohamed Ibrahim Munshi (Translated with an Introduction and Notes)*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wan Oya, S. A., & Nordin, Z. S. (2024). Sikap guru sekolah rendah terhadap pentaksiran untuk pembelajaran: Sorotan literatur bersistematik. *International Journal of Future Education and Advances (IJFEA)*, 1(1), 394-399.
- Wilkinson, J. (2010). Personal communities: Responsible individualism or another fall for public [Man]?. *Sociology*, 44(3), 453-470.
<https://doi.org/10.1177/0038038510362484>
- Yuwono, A. A. (2023). Pemikiran pendidikan Islam modern Syed Muhammad Naquib Al-Attas [Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Raden Mas Said Surakarta].